



ENTRY PROCEDURE FOR INTERNATIONAL STUDENTS BACK TO CAMPUS

Updated until: 14 January 2021



SOP ENFORCEMENT



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

THE SOP SHOULD BE READ IN ACCORDANCE TO THE ORDERS, RULES AND GUIDELINES SET BY THE GOVERNMENT FROM TIME TO TIME



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



****The SOP is applicable to HEIs operating in Peninsula Malaysia only. For HEIs operating in the states of Sabah and Sarawak are subjected to the procedures set by the State Government and JIM State of Sabah and Sarawak.**

ANNOUNCEMENT



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

01


TO TAKE RT-PCR COVID-19 DETECTION TEST THREE (3) DAYS BEFORE LEAVING FOR MALAYSIA

02

ALL NON-MALAYSIAN CITIZENS (BWN) ARRIVING IN MALAYSIA **WILL BE CHARGED WITH THE FULL NON-SUBSIDIZED FEES**

03


FULL PAYMENT FOR THE QUARANTINE AND COVID-19 DETECTION TEST CAN BE DONE ONLINE VIA **MySafeTravel / MyQr Application by MyEG**




INTERNATIONAL STUDENTS ENTRY PROCESS FLOWCHART




KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



STUDENTS ENTERING MALAYSIA WITH THE RT-PCR REPORT



STUDENTS ENTERING MALAYSIA **WITHOUT** THE RT-PCR REPORT



FIXED CHARGES



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

WITH RT-PCR TEST RESULT

ITEM	FEE
FIXED OPERATIONS CHARGES	RM 2,600.00
ACCOMMODATION (RM 150.00/PER NIGHT)	RM 1,050.00
RT-PCR TEST	RM 250.00
RTK-Ag TEST	RM 120.00
TOTAL : RM 4,020	

* Student need to undergo quarantine at the Quarantine Station for **7 days**

WITHOUT RT-PCR TEST RESULT

ITEM	FEE
FIXED OPERATIONS CHARGES	RM 2,600.00
ACCOMMODATION (RM 150.00/PER NIGHT)	RM 1,500.00
RT-PCR TEST	RM 250.00
RTK-Ag TEST	RM 120.00
TOTAL : RM 4,470.00	

* Student need to undergo quarantine at the Quarantine Station for **10 days**

WHAT IS THE HEI RESPONSIBLE FOR




KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

01

Identify student's personal and travel information and plan a safe and smooth entry into Malaysia and to the campus

04

Arrange logistics to pick up student after the mandatory quarantine at the quarantine station to the campus



02

Verify student's information before EMGS forwards the application to IMI for approval

03

Inform student of the latest back-to-campus SOP in accordance to the orders, rules and guidelines set and updated by the Government from time to time and ensure student's adherence to the SOP

WHAT IS THE STUDENT'S RESPONSIBILITY




KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Pre Arrival

- 01 Download, complete and sign the *Letter of Undertaking and Indemnity* (LoU)
- 02 Obtain a Travel Notice from an accredited Malaysian Mission and an Entry Approval letter from the Director-General of Immigration (DGI)
Present the Travel Notice to airline companies, public transportations companies and the Immigration Department Malaysia (IMI)
- 03
- 04 Download, activate and register personal details on the MySejahtera application.

- 05 Pay full charge for the quarantine and the COVID-19 screening test via online system which is the MYSAFETRAVEL/ application MYQR by MYEG
- 06 Take a RT-PCR COVID-19 screening test three (3) days before arriving to Malaysia.



Upon Arrival

- 01 Present the LOU to officers on-duty
- 02 Do health screening and take a COVID-19 detection test

Post Arrival

- 01 Register at the Quarantine Station
- 02 Be fully responsible for own belongings and luggage
- 03 Do own health assessment daily during quarantine period



THANK YOU AND HAVE A SAFE JOURNEY



Aras 4 | Level 4

Bahagian Education Malaysia | *Education Malaysia Division,*
Jabatan Pendidikan Tinggi | *Department of Higher Education,*
Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia | *Ministry of Higher Education, Malaysia,*
Level 4, No. 2, Tower 2, Jalan P5/6, Precint 5
62200 Putrajaya



NADMA MALAYSIA

GARIS PANDUAN/GUIDELINES

PROSES KEMASUKAN DAN KUARANTIN PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS) YANG TIBA DARI LUAR NEGARA BERMULA 24 JULAI 2020 (Pindaan: 14 Disember 2020)

ENTRY AND QUARANTINE PROCESS PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS) ARRIVING FROM ABROAD 24 JULY 2020 (Amendment: 14 December 2020)

1. LATAR BELAKANG *BACKGROUND*

Selaras dengan hasrat serta usaha Kerajaan Malaysia dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia, Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa semua individu yang baru pulang dari luar negara dan memasuki Malaysia, akan dikenakan perintah kuarantin wajib di stesen kuarantin yang telah diwartakan oleh Kerajaan Malaysia, berdasarkan kepada peruntukan di bawah subseksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

To curb the spread of COVID-19, the Government of Malaysia has imposed compulsory quarantine orders at the gazetted quarantine stations to all incoming travellers, subject to the provisions of Section 15 (1) Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342).

Mulai 24 Julai 2020 (0001hrs), Kerajaan Malaysia juga telah memutuskan bahawa semua individu yang baru pulang dari luar negara dan memasuki Malaysia melalui semua Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) perlu menanggung sepenuhnya kos kuarantin di stesen kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Beginning 24 July 2020 (0001hrs), all individuals entering Malaysia through the International Entry Point (Pintu Masuk Utama - PMA) are required to bear all costs incurred related to quarantine, COVID-19 tests, and any other logistics charges.

Individu yang dikenakan perintah kuarantin dan memegang “Surat Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) di bawah Seksyen 15(1) Akta 342” dirujuk sebagai Person Under Surveillance (PUS).

Individuals who are subject to quarantine orders will be referred to as Person Under Surveillance (PUS).

Pada 13 Disember 2020, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia telah mengumumkan bahawa tempoh pengawasan dan pemerhatian telah dikurangkan kepada 10 hari ke atas mana-mana individu yang dikenakan perintah kuarantin.

On 13 December 2020, the Director-General of Health Malaysia has announced that the period of surveillance and observation has been reduced to 10 days on any individuals subject to the quarantine orders.

Individu yang masuk dari luar negara dan membuat saringan COVID-19 ketika ketibaan di PMA akan dikenakan perintah kuarantin selama 10 hari, bermula pada hari ketibaan.

Individuals entering from abroad and undergoing the COVID-19 screening on arrival at PMA will be subject to the 10-day quarantine order, starting on the day of arrival.

Individu yang telah menjalani saringan RT-PCR COVID-19 dalam masa 36 jam sebelum berlepas, akan dikuarantin selama 7 hari bermula pada hari ketibaan.

Individuals who have undergone the COVID-19 RT-PCR screening within 36 hours prior to departure, will be quarantined for 7 days from the day of arrival.

2. STESEN KUARANTIN *QUARANTINE STATION*

Stesen kuarantin merupakan tempat pengasingan dan pemerhatian kesihatan yang telah diwartakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], termasuk hotel-hotel atau mana-mana premis lain yang ditentukan oleh Kerajaan.

The Quarantine Station, including hotels or any other premises, is a place of isolation and health observation that has been gazetted under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342).

Kerajaan telah menetapkan bahawa, PUS akan ditempatkan di hotel yang telah diwartakan dan dijadualkan sebagai Stesen Quarantin pada hari ketibaan **ATAU** memilih untuk ditempatkan di hotel yang menawarkan servis premium. Bagi tujuan tersebut, PUS perlu membuat pengesahan pemilihan Stesen Kuarantin tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas pulang ke Malaysia melalui aplikasi MySejahtera.

*The government has determined that, PUS will be quarantined in a hotel that has been gazetted and scheduled as a Quarantine Station on the day of arrival **OR** choose to be quarantined in a hotel that offers premium services. For that purpose, PUS needs to confirm the selection of Quarantine Station three (3) days before the departure date via MySejahtera mobile application.*

Servis Premium merupakan satu pilihan kepada PUS untuk mendapatkan servis kuarantin yang lebih baik termasuk pilihan makanan yang lebih banyak di samping servis limosin yang ditawarkan dari KLIA ke hotel tersebut. PUS yang memilih servis premium perlu menanggung semua kos kuarantin yang ditawarkan pihak hotel termasuk caj pengangkutan. Senarai hotel yang menawarkan servis premium boleh didapati di portal NADMA.

Premium Service is an option for PUS to get better quarantine service, including more food options in addition to limousine service offered from KLIA to the hotel. PUS who choose the premium service must bear all the quarantine costs offered by the hotel, which includes the transportation charges. A list of hotels offering premium services can be found on NADMA web portal.

Urusan tempahan untuk ditempatkan di hotel premium hendaklah dilakukan oleh PUS sendiri **sebelum** ketibaan di Malaysia. PUS boleh menunjukkan bukti tempahan ketika tiba di KLIA. Tempahan servis premium sewaktu ketibaan di KLIA adalah tidak digalakkan kerana ia boleh mengakibatkan kelewatan di pihak PUS.
*Booking arrangements for accommodation at premium hotels must be done by PUS **prior to arrival** in Malaysia. PUS can show proof of booking while at KLIA. Booking for premium service upon arrival at KLIA is not recommended as it can result in delays.*

3. TEMPOH KUARANTIN *QUARANTINE PERIOD*

Tempoh Kuarantin adalah empat belas (14) hari **ATAU** apa-apa jumlah hari penginapan PUS yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Bermula 14 Disember 2020, individu yang masuk dari luar negara serta telah menjalani saringan RT-PCR COVID-19 dalam masa 36 jam sebelum berlepas, akan dikuarantin selama 7 hari bermula dari hari ketibaan. Manakala bagi mana-mana individu yang hanya membuat saringan ketika ketibaan di PMA akan dikenakan perintah kuarantin selama 10 hari, bermula pada hari ketibaan.

*The Quarantine Period is fourteen (14) days, **OR** any period stipulated by the Ministry of Health, Malaysia. Starting from 14 December 2020, individuals entering from abroad and having undergone the COVID-19 RT-PCR screening within 36 hours prior to departure, will be quarantined for 7 days. Individuals who undergo a COVID-19 screening on arrival at PMA will be subject to 10-day quarantine order, starting on the day of arrival.*

4. KADAR KOS KUARANTIN *QUARANTINE RATES*

Kadar kos kuarantin adalah seperti berikut;

The quarantine rates are as follows:

- 4.1 **Warganegara: Dalam Kadar Seratus Peratus (100%) daripada kadar harga siling - Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150)** sehari seorang berdasarkan kepada tempoh kuarantin di premis hotel sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

***Citizens:** 100% of the hotel's maximum rate of RM150 per person per day, for a period specified by the Ministry of Health, Malaysia.*

- 4.2 **Bukan Warganegara (termasuk tanggungan kepada warganegara):** Dalam kadar Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150) sehari seorang berdasarkan kepada tempoh kuarantin di premis hotel sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, DAN caj pentadbiran dan pengurusan kuarantin sebanyak RM2,600.00 atau jumlah yang ditetapkan oleh Kerajaan.

***Non-Citizens (including dependents):** Maximum rate of RM150 per day per person, for a period specified by the Ministry of Health AND management charges of RM2,600.00 or any amount imposed by the Government.*

5. KAEDAH BAYARAN

PAYMENT METHOD

Bayaran Caj Kuarantin

Payment for Quarantine Charges

- 5.1 PUS warganegara Malaysia perlu membayar sejumlah deposit / pembayaran penuh kepada pihak Pengusaha / Pemilik / Pihak Hotel sewaktu proses daftar masuk. Penggunaan kad kredit/debit adalah digalakkan.

Malaysian PUS will have to pay a deposit / full payment to the Management of Quarantine Station during the check-in process. Credit/debit card usage is encouraged.

Bukan Warganegara

Charges (Non-citizen)

- 5.2 PUS bukan warganegara dikehendaki membuat bayaran caj kuarantin dan caj berkaitan **sebelum** berlepas ke Malaysia secara atas talian melalui laman sesawang “mysafetravel” di www.mysafetravel.myeg.com.my

*Non-citizen PUS is required to pay quarantine charges and other related charges, **before** departing to Malaysia via “mysafetravel” at www.mysafetravel.myeg.com.my*

- 5.3 Bagi tujuan pembayaran sebenar atau sekiranya terdapat pemulangan baki akan dilaksanakan sewaktu proses daftar keluar.

Any balance of payment or refund will be made upon checkout.

Bayaran Caj Ujian Saringan COVID-19

Payment for COVID-19 tests

- 5.4 **Semua PUS** dikehendaki untuk membayar kos berkaitan ujian saringan COVID-19 **sebelum** berlepas ke Malaysia secara atas talian melalui laman sesawang “mysafetravel” di www.mysafetravel.myeg.com.my. Kadar bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut:

***All PUS** must pay the COVID-19 test fees **before** departing to Malaysia via “mysafetravel” at www.mysafetravel.myeg.com.my. The fees are as follows:*

FEE FOR COVID-19 DETECTION TEST		
Type of COVID-19 Detection Test	Malaysian Citizen (RM)	Non-Malaysian Citizen (RM)
Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) Test	150	250
Antigen Rapid Test Kit (RTK-Ag)	60	120
Antibody Rapid Test Kit (RTK-Ab)	30	60

6. PROSES KUARANTIN

QUARANTINE PROCESS

6.1 Sebelum Ketibaan

Before arrival

Semua PUS yang akan memasuki Malaysia bermula 24 Julai 2020 (0001hrs) perlu:

All individuals entering Malaysia starting 24 July 2020 (0001hrs) must:

a. Menandatangani Surat Aku Janji dan Indemniti (LoU)

Sign a Letter of Undertaking and Indemnity (LoU)

Semua individu yang mahu pulang ke Malaysia perlu memuat turun dan melengkapkan LoU melalui pautan seperti berikut:

All individuals travelling to Malaysia must download and complete the LoU via the following link:

- (i) Kementerian Luar Negeri: www.kln.gov.my
- (ii) Agensi Pengurusan Bencana Negara: www.nadma.gov.my
- (i) *Ministry of Foreign Affairs Malaysia: www.kln.gov.my*
- (ii) *National Disaster Management Agency (NADMA): www.nadma.gov.my*

b. Mendapatkan Surat Kebenaran Masuk Malaysia daripada Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan

Obtain a Letter of Approval (Entry Permit) from an accredited Malaysian Mission

Pematuhan terhadap syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia atau Agensi-Agensi Kerajaan adalah terpakai. Setiap pemohon perlu menghantar dokumen berkaitan bersama-sama LoU lengkap melalui e-mel Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan **selewat-lewatnya tiga hari sebelum tarikh berlepas**. Alamat e-mel Perwakilan Malaysia di luar negara boleh didapati di:

<https://www.kln.gov.my/web/guest/malaysianmission>.

*Individuals to enter Malaysia must comply with the conditions of entry set by the Immigration Department of Malaysia or Malaysian Government Agencies. Each applicant must submit the relevant documents and the completed LoU via email to the relevant Malaysian Mission, at least **three days before the date of departure**. The email address of the relevant Malaysian Mission can be found at:*

<https://www.kln.gov.my/web/guest/malaysianmission>.

Tertakluk kepada kelulusan, Perwakilan Malaysia akan mengeluarkan Notis Perjalanan ke Malaysia (serahan melalui e-mel).

Subject to approval, the Malaysian Mission will issue a Letter of Entry Permit to Malaysia by email.

c. Mengemukakan Notis Perjalanan daripada Perwakilan Malaysia kepada Syarikat Penerbangan, Syarikat Pengangkutan Awam lain dan Jabatan Imigresen Malaysia

Present the Letter of Approval from Malaysian Mission to Airlines, Other Public Transport Companies, and Immigration Department of Malaysia

Notis Perjalanan daripada Perwakilan Malaysia perlu dikemukakan semasa proses pendaftaran masuk penerbangan/ pengangkutan awam yang lain. Bagi penumpang bukan warganegara Malaysia, kegagalan untuk mengemukakan Notis Perjalanan ini boleh menyebabkan individu tersebut tidak diberi kebenaran untuk menaiki pesawat, atau pengangkutan awam yang lain. Bagi kemasukan melalui jalan darat pula, kegagalan untuk mengemukakan dokumen tersebut akan menyukarkan proses kemasukan individu tersebut ke Malaysia.

A letter of approval from the Malaysian Mission must be presented during the flight / public transport check-in process. Failure to present this letter may result in the person being denied permission to board the aircraft, or other public transportations. For entry by road, failure to present the document will complicate the process of entry into Malaysia.

Walau apapun yang dinyatakan di perenggan 6.1 (a) (b) dan (c) di atas, bagi penumpang warganegara Malaysia, kegagalan untuk mengemukakan Notis Perjalanan tidak boleh menyebabkan warganegara tersebut dinafikan hak menaiki pesawat, atau pengangkutan persendirian/ awam yang lain. Kegagalan untuk mengemukakan dokumen tersebut akan hanya menyukarkan proses kemasukan warganegara tersebut ke Malaysia dan juga melambatkan proses kuarantin. Warganegara tersebut masih tertakluk kepada apa-apa peraturan atau arahan perundangan semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil setibanya warganegara tersebut di Malaysia. Jabatan Imigresen Malaysia berhak untuk mengeluarkan perintah Not-to-Land (NTL) kepada bukan warganegara yang tidak mengemukakan LoU.

Individuals (Malaysians) who fail to comply with item 6.1 (a), (b) and (c) will still be allowed to enter Malaysia. However, failure to comply with the instructions outlined by the Government of Malaysia will complicate the registration procedures at the entry point (PMA) and delay the quarantine process. All incoming individuals are subject to the quarantine order and non-compliance to the instruction will result in legal action. The Immigration Department reserves the right to issue Not-to-Land (NTL) Order to non-Citizens without the LoU.

- d. Muat turun, daftar dan aktifkan applikasi MySejahtera tiga (3) hari sebelum berlepas.

Install, activate, and register MySejahtera mobile online application three (3) before departure

Applikasi MySejahtera boleh dimuat turun dari *Apple Appstore, Google Playstore dan Huawei App Gallery.*

The mobile online application can be downloaded from Apple Appstore, Google Playstore and Huawei App Gallery.

Maklumat penting seperti butiran perjalanan (masa dan tarikh, informasi penerbangan, pilihan Stesen Kuarantin) dan deklarasi kesihatan perlu didaftarkan tiga (3) hari sebelum perjalanan.

Essential information such as travel information (date and time, flight information, port of embarkation, Quarantine Station option) as well as health declaration need to be registered in MySejahtera at least three (3) days from date of departure.

Panduan memilih Stesen Kuarantin:

Guide to choosing a Quarantine Station:

1. Imbas Kod QR / *Scan QR Code*
2. Masukkan maklumat diri dan tanggungan /
Fill in passenger and dependents information
3. Klik butang Hantar / *Click Send*

Nota:

Sekiranya memilih stesen kuarantin di Hotel Premium, tempahan boleh dibuat melalui portal *MySafeTravel* atau dibuat secara langsung dengan pihak hotel yang disenaraikan sahaja. Klik untuk senarai Hotel Premium di Portal NADMA. Bukti tempahan dan bayaran hendaklah ditunjukkan kepada petugas di Pintu Masuk Antarabangsa.

Notes:

For Premium Hotels quarantine station, individuals need to liaise directly with the hotel for booking and transportation arrangements or via MySafeTravel web portal. Please click for Premium Hotel list from NADMA web portal. Please show proof of booking and payment to the secretariat upon arrival at International Entry Point.



SCAN WITH MYSEJAHTERA APP TO CHECK-IN



e. Ujian COVID-19 (rT-PCR / RTK-Ag) sebelum masuk ke Malaysia
COVID-19 test (rT-PCR / RTK-Ag) before entering Malaysia

Penumpang/pengembara ke Malaysia **digalakkan** untuk membuat ujian pengesanan COVID-19 (RT-PCR) 36 jam sebelum berlepas ke Malaysia dan seterusnya mengurangkan tempoh kuarantin di Malaysia kepada 7 hari sahaja.

*Travellers to Malaysia are **encouraged** to take the COVID-19 test (RT-PCR) within 36 hours before departure to shorten their quarantine period in Malaysia to 7 days.*

Namun, penumpang/pengembara perlu menyemak dengan pengendali penerbangan (*airlines*) berkenaan keperluan untuk menjalani ujian COVID-19 sebelum dibenarkan menaiki pesawat.

However, travellers are advised to check with the Airlines on any requirements to take COVID-19 tests before boarding the aircraft.

6.2 Ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)
Arrival at the International Point of Entry (POE)

Tatacara ketibaan PUS di Pintu Masuk Antarabangsa adalah seperti berikut:-

The PUS will go through the following process:

a. Pemeriksaan dan Saringan Kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
Health Inspection and Screening at the International Gate (POE) by Ministry of Health, Malaysia (MOH)

- (i) Saringan kesihatan akan dijalankan dan mana-mana PUS yang menunjukkan gejala COVID-19 akan dirujuk ke hospital bagi rawatan lanjut;

Health screening will be conducted at POE. PUS showing COVID-19 symptoms will be referred to the hospital for further treatment;

- (ii) Proses ujian saringan COVID-19 akan dijalankan di balai ketibaan, PMA;

COVID-19 test will be conducted at the arrival hall of POE;

- (iii) Semua pengembara yang tidak membawa bukti ujian saringan RT-PCR COVID-19 yang sah, wajib menjalani saringan RT-PCR di PMA kecuali pengembara yang akan meneruskan perjalanan ke Sabah, Sarawak dan Labuan dalam masa kurang dari 24 jam transit di KLIA,

di mana mereka akan dibuat ujian RTK Ag (tertakluk kepada arahan dan kebenaran Kerajaan Negeri Sabah/Sarawak/Labuan dari semasa ke semasa).

All travellers without a valid RT-PCR COVID-19 certificate are required to undergo swab taking for RT-PCR at International Point of Entry (POE). Those transit in less than 24 hours at KLIA and continuing their journey to Sabah, Sarawak and Labuan will have to do RTK Ag test (subject to the current order and permission of the Labuan/Sabah/Sarawak/ State Government).

- (iv) *Health Assessment Tool (HAT)* akan dibekalkan untuk tujuan pemantauan sendiri PUS sepanjang tempoh kuarantin.

Health Assessment Tool (HAT) will be provided for PUS self-monitoring purposes throughout the quarantine period.

b. Pendaftaran Ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)
Registration at the International Point of Entry (POE)

- (i) Pendaftaran PUS akan dibuat di semua Pintu Masuk Antarabangsa dan diselaraskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Sekretariat pendaftaran akan menyelaras penerimaan PUS dan pengurusan logistik di KLIA1, KLIA2 atau pintu-pintu masuk udara, laut dan darat di seluruh Malaysia;

PUS registration at International Point of Entry is coordinated by the National Disaster Management Agency (NADMA) and the Malaysian Civil-Defence (APM). The Secretariat will coordinate the registration procedures and logistical arrangements at KLIA1, KLIA2 or any other entrances via air, sea and land throughout Malaysia;

- (ii) PUS perlu mempamerkan LoU kepada petugas;
PUS must present the LoU to the Secretariat;

- (iii) PUS bukan warganegara dikehendaki membuat bayaran caj kuarantin sebelum tiba di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) termasuk caj pengurusan/pentadbiran melalui portal MySafeTravel.
Non-citizen PUS is required to pay quarantine charges via MySafeTravel web portal before arrival at the International Point of Entry (POE), including management charges.

- (iv) Sekretariat di Pintu Masuk Antarabangsa akan mengaturkan keperluan logistik PUS ke stesen kuarantin yang ditetapkan; dan
The Secretariat will coordinate the movement of PUS from International Point of Entry to the designated quarantine station; and

- (v) PUS **tidak dibenarkan** untuk memilih stesen kuarantin di PMA.
*PUS is **not allowed** to choose quarantine station at POE.*

c. Penerimaan Imigresen, Kastam dan urusan logistik ke Hotel (NADMA/APM/Jabatan Imigresen/Jabatan Kastam)

Immigration, Customs and Logistics arrangement to the designated Quarantine Station

- (i) PUS akan menjalani proses ketibaan masuk seperti biasa melalui pemeriksaan dan pengesahan Pegawai Imigresen dan Kastam;
The PUS will undergo a regular check-in process through Customs and Immigration counters;
- (ii) Seterusnya, Kerajaan akan menguruskan pengangkutan ke stesen kuarantin yang telah ditetapkan;
The Secretariat will arrange transportation to the designated quarantine station;
- (iii) Bagi PUS bukan warganegara yang gagal mengemukakan LoU sewaktu ketibaan, pihak Imigresen berhak untuk mengenakan perintah *Not-To-Land* (NTL) kepada PUS tersebut; dan
The Immigration Department will issue Not-to-Land (NTL) Order to non-Citizens without the LoU; and
- (iv) Bagi Kemasukan dengan kenderaan Persendirian:
PUS with personal vehicles:
- Bagi PUS yang membawa kenderaan sendiri, PUS perlu membawa kenderaan terbabit ke stesen kuarantin dalam kumpulan kenderaan pihak berkuasa yang membawa PUS yang lain. TIDAK dibenarkan bergerak sendiri ke stesen kuarantin.
The PUS will have to drive / ride the vehicle to the designated quarantine station under the supervision of the authorities. PUS are not allowed to drive / ride to the quarantine station individually.
 - PUS WAJIB menyerahkan kunci kenderaan kepada kaunter pendaftaran stesen kuarantin dan hanya dibenarkan untuk mengambil semula kunci tersebut setelah tamat tempoh kuarantin.
The PUS must surrender the vehicle keys to the management of quarantine station and the keys shall be returned to PUS upon discharge.

- Pihak Kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau keselamatan kenderaan PUS sepanjang tempoh kuarantin.

The Government of Malaysia shall not be responsible on the safety of PUS' vehicles throughout the quarantine period.

6.3 **Pengurusan PUS di Stesen Kuarantin** *PUS Management at Quarantine Stations*

PUS akan menjalani proses seperti berikut:

The PUS will go through the following steps:

a. Pendaftaran Masuk

Registration/ Check In

- (i) Pendaftaran masuk PUS di stesen kuarantin akan melalui proses pendaftaran biasa yang diamalkan oleh pihak pengurusan Hotel dengan seliaan petugas Stesen kuarantin yang diselaraskan oleh Angkatan Pertahanan Awam (APM);

PUS will go through the registration process at the quarantine station under the administration of Quarantine Station Secretariat led by Malaysia Civil Defence Force (APM);

- (ii) PUS perlu menyerahkan salinan asal LoU kepada petugas stesen kuarantin;

PUS will submit the LoU to the Quarantine Station management;

- (iii) Deposit atau / dan pembayaran penuh akan diambil oleh pihak pengurusan hotel sebelum PUS dibenarkan untuk mendaftar masuk ke bilik hotel (terpakai kepada PUS warganegara);

Deposit and / or full payment will be made to the quarantine station management before PUS can check in to the designated room (applicable to Malaysian PUS);

Mana-mana individu yang diarahkan untuk menjalani pemerhatian atau pengawasan di bawah Seksyen 15, (Akta 342) di mana-mana stesen kuarantin ditetapkan hendaklah membayar apa-apa kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung bagi khidmat perubatan dan penyaraan individu berkenaan di stesen kuarantin itu; dan

Any person who is directed by an authorized officer to undergo observation or surveillance under section 15 (Act 342) at any quarantine station shall pay any cost and expenses charged or

incurred for his medical attendance and maintenance at the quarantine station; and

Mana-mana individu yang melanggar peraturan di atas, apabila disabitkan akan dikenakan denda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Any person who contravenes the above-mentioned regulation, commits an offence and shall on conviction, be liable to a fine not exceeding RM1,000 or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

b. Semasa Kuarantin
During Quarantine

- (i) PUS akan menjalani tempoh kuarantin sepanjang 14 hari atau apa-apa jumlah hari penginapan PUS yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
PUS will undergo a 14-day quarantine period, or any period specified by the Ministry of Health, Malaysia;
- (ii) Petugas daripada agensi-agensi Kerajaan ditempatkan di semua stesen kuarantin bagi membantu pengurusan pengoperasian stesen kuarantin, kebajikan, keselamatan dan pemeriksaan kesihatan sepanjang tempoh kuarantin;
Officials from other relevant government agencies are stationed at all Quarantine Stations to assist in the management of quarantine stations, welfare, safety and health inspections throughout the quarantine period;
- (iii) Secara dasarnya, suami, isteri dan ahli keluarga dibenarkan untuk berkongsi bilik tertakluk kepada kebenaran. Jumlah maksimum PUS dalam sesebuah bilik di stesen kuarantin adalah tertakluk kepada kebenaran Pegawai Kesihatan KKM.
Family members can share a room. However, any applications to place more PUS in one room shall be referred to the Health Officer of Ministry of Health for approval;
- (iv) Penyediaan makan minum akan disediakan oleh pihak stesen kuarantin dengan kekerapan tiga kali sehari (sarapan, makan tengahari dan makan malam);
Food and drinks will be provided at the quarantine station three times a day (breakfast, lunch and dinner);

- (v) Pencucian pakaian peribadi hendaklah dilakukan sendiri oleh PUS;
Personal laundry services will be done / borne by PUS;
- (vi) PUS bertanggungjawab ke atas bagasi dan semua barangan peribadi sendiri;
PUS is responsible for his / her own luggage;
- (vii) PUS hendaklah melakukan penilaian kesihatan sendiri pada setiap hari di bilik masing-masing, dan melaporkan kepada petugas stesen kuarantin sekiranya mula mengalami gejala COVID-19 dengan mekanisma yang telah ditetapkan oleh KKM;
PUS will conduct daily self-health assessments and report to the quarantine station personnel if he / she starts to experience any of the COVID-19 symptoms as outlined by the Ministry of Health;
- (viii) PUS akan dimaklumkan kaedah perhubungan dengan Petugas Kerajaan dan anggota di stesen kuarantin menerusi telefon/ sms/ whatsapp/ telegram;
PUS will be notified on the mode of communication with Government Officers and Quarantine Station personnel via telephone / SMS / WhatsApp / Telegram mobile applications;
- (ix) PUS juga perlu mematuhi segala SOP dan nasihat daripada Petugas Stesen kuarantin. Antara larangan di kuarantin adalah seperti berikut:
PUS must comply with all SOPs and advice from staff of the quarantine station. Some of the restrictions at quarantine station are as follows:
- Tidak dibenarkan keluar dari bilik penginapan;
 - Tidak dibenarkan merokok;
 - Tidak dibenarkan mengambil minuman beralkohol;
 - Tidak dibenarkan berkumpul;
 - Khidmat penghantaran makanan bermasak dari luar seperti *Grabfood*, *Food Panda* dan lain-lain adalah tertakluk kepada kebenaran Pegawai Kesihatan KKM; dan
 - Penerimaan pelawat.
 - *PUS are not allowed to leave the room;*
 - *PUS are not allowed to gather;*
 - *PUS are not allowed to consume alcohol;*
 - *The Quarantine Station is a no-smoking zone;*
 - *External cooked food delivery services such as Grabfood, Food Panda and others are subject to the permission of the Health Officer; and*
 - *Visitors are not allowed.*

- (x) Sekiranya terdapat PUS yang didapati positif melalui keputusan ujian COVID-19, PUS tersebut (selepas ini dikenali sebagai *Patient Under Investigation* ('PUI')) akan dipindahkan ke hospital berdekatan bagi menjalani rawatan COVID-19. Semua barangan milik PUI di Premis Hotel perlu dibawa bersama-sama ke hospital dan kos kuarantin yang dikenakan adalah sehingga tarikh daftar keluar PUI tersebut dari Premis Hotel. Sekiranya terdapat sebarang pembayaran atau pemulangan deposit bagi kos kuarantin tersebut akan dilaksanakan oleh pihak pengurusan Premis Hotel.

PUS who are tested positive for COVID-19 (subsequently known as Patient Under Investigation – PUI) will be transferred to the nearby hospital for COVID-19 treatment. All PUI belongings at the hotel will be taken to the hospital and the cost of the quarantine shall be settled accordingly by PUI. Refunds will be made by the hotel management.

Kebenaran Keluar (Tujuan Kecemasan)

Permission to leave Quarantine Station (Emergency Cases)

- (xi) PUS boleh membuat permohonan keluar sementara sekiranya terdapat kes kecemasan seperti kematian anggota keluarga atau lawatan ke hospital (bagi anggota keluarga yang kritikal). Kebenaran keluar sementara adalah tertakluk kepada kebenaran Pegawai Kesihatan, KKM di stesen kuarantin tersebut. PUS tidak dibenarkan bermalam di sesuatu lokasi dan kebenaran untuk berada di lokasi kecemasan adalah selama 3 jam. PUS hendaklah mematuhi SOP yang ditetapkan.

PUS can apply for a temporary leave from the quarantine station in the event of emergency such as death (funeral) or visiting critically ill family members in the hospital. Permission to leave quarantine station must be obtained from the Health Officers at the quarantine station. PUS is not allowed to stay overnight, and they are permitted to be away for the visit for a maximum period of three (3) hours. PUS must adhere to the relevant SOPs at all time.

c. Proses Daftar Keluar

Checkout Process

- (i) Proses daftar keluar PUS daripada stesen kuarantin adalah mengikut peraturan penjagaan kesihatan dan langkah- langkah keselamatan yang diarahkan oleh KKM dari semasa ke semasa;
The PUS checkout process from the quarantine station is in accordance with the health care regulations and security measures as directed by the Ministry of Health;
- (ii) PUS akan diberikan Pelepasan Dari Menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Release Order*) (Annex 17 KKM) setelah tamat tempoh kuarantin oleh Pegawai Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia;
PUS will be issued with a Release Order upon the completion of the quarantine period by the Ministry of Health;
- (iii) PUS hendaklah menjelaskan sebarang bayaran tertunggak sebelum proses daftar keluar dari Premis Hotel. Kegagalan PUS untuk membuat pembayaran bagi kos kuarantin, berkemungkinan akan mengakibatkan tindakan undang-undang diambil ke atas PUS tersebut; dan
PUS must settle the outstanding payment to the management of the quarantine station. Failure to make such payment may result in legal action taken against the PUS; and
- (iv) Pergerakan PUS meninggalkan stesen kuarantin untuk pulang ke rumah:
PUS leaving the from the Quarantine Station to their respective home / residence:
 - Seorang waris/ wakil dibenarkan untuk mengambil PUS di Stesen kuarantin; atau
Only one (1) family member / representative can receive PUS at the Quarantine Station; or
 - PUS dibenarkan mengatur pengangkutan awam sendiri (tekxi, e-hailing) untuk pulang ke rumah.
PUS can arrange his / her own public transport (taxi, e-hailing) to return home.

7. PENGECUALIAN KUARANTIN

Quarantine Exemption

Semua individu yang masuk ke Malaysia adalah tertakluk kepada Arahan Kuarantin yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Sebarang permohonan pengecualian kuarantin hendaklah mendapat kebenaran dari Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

All incoming travellers are subject to the quarantine order. Any requests for exemption must be obtained from the Director-General of Health.

8. PEMAKAIAN

Implementation

Pemakaian tatacara ini berkuat kuasa daripada 24 Julai 2020 sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan oleh Kerajaan Malaysia.

The implementation of this procedure is effective from 24 July 2020, until further notice is announced by the Government of Malaysia.

9. PERKARA LAIN

Other Matters

9.1 Pengecualian Pembayaran

Fees exemption

a. **Ujian saringan COVID-19** *COVID-19 tests fee*

Pengecualian atau penepian fi bagi ujian saringan COVID-19 diberikan kepada:

- i. Pegawai kerajaan yang pulang ke Malaysia dari urusan rasmi;
- ii. Orang Kelainan Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan
- iii. Pelajar Malaysia dari luar negara yang pulang ke Malaysia (kali pertama).

COVID-19 test fees exemption will be given to the followings:

- i. Malaysian government servants under official duties;*
- ii. People with Disabilities (OKU cardholders of the Social Welfare Department); and*
- iii. Malaysian students coming home from overseas (first time).*

b. **Kos Kuarantin**
Quarantine charges

Kerajaan memberikan pengecualian kepada warganegara Malaysia dari kumpulan yang layak (ringkasan adalah seperti di Annex 2). Pengecualian ini diberikan kepada:

- i. Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685];
- ii. Warganegara Malaysia daripada golongan B40;
- iii. Individu atau keluarga warganegara Malaysia dari golongan B40;
- iv. Pelajar warganegara Malaysia daripada keluarga B40;
- v. Kanak-kanak warganegara Malaysia berumur 6 tahun dan ke bawah;
- vi. Pengembara berseorangan (solo) warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun kebawah; dan
- vii. Warganegara Malaysia yang pulang sebaik selepas dibebaskan dari penjara negara asing yang tidak mampu membayar caj di Stesen kuarantin atau tiada sumber pendapatan.

Quarantine charges exemption will be given to eligible Malaysians from the following group (detailed summary is reflected in Annex 2):

- i. People with Disabilities (OKU cardholders under the Persons with Disabilities Act 2008 [Act 685]);*
- ii. A Malaysian citizen from the B40 group;*
- iii. A Malaysian citizen or family members returning from overseas from the B40 group;*
- iv. A Malaysian student from B40 family;*
- v. A child (Malaysian citizen) of the age of 6 and below;*
- vi. A Solo-travelling Malaysian citizen below 12 years old; and*
- vii. A Malaysian citizen returning to Malaysia immediately upon being released from a prison in a foreign state who is unable to pay for the cost and expenses or has no source of income.*

***Kebenaran pengecualian caj kuarantin bagi permohonan selain di atas adalah diputuskan oleh Menteri Kesihatan (KKM) melalui email, pengecualicovid@moh.gov.my**

****Fees exemption for other cases shall be approved by the Minister of Health via email, pengecualicovid@moh.gov.my***

9.2 Pengecualian Kuarantin

Quarantine Exemption

Semua individu yang masuk ke Malaysia adalah tertakluk kepada Arahan Kuarantin yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Sebarang permohonan pengecualian kuarantin hendaklah mendapat kebenaran dari Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

All incoming travellers are subject to the quarantine order. Any requests for exemption must be obtained from the Director-General of Health.

Permohonan boleh dipanjangkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan melalui email, hso@moh.gov.my

Appeal for quarantine exemption can be made to Director-General of Health via email, hso@moh.gov.my

9.3 Reciprocal Green Lane (RGL) dan Periodic Commuting Arrangement (PCA)

9.3.1 Reciprocal Green Lane (RGL)

RGL merupakan satu inisiatif yang membolehkan mana-mana bukan warganegara Malaysia yang menetap di Singapura untuk masuk ke Malaysia bagi tujuan rasmi dan perniagaan untuk tempoh 14 hari.

RGL is an initiative for all nationalities who are legally residents in Singapore, to make single-entry essential travel including for business and official purposes in Malaysia for a maximum period of 14 days.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

For further info, please log on to:

<https://mtp.imi.gov.my/myTravelPass/main>

Pengembara hendaklah memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan applikasi MySejahtera sebelum masuk ke Malaysia. RGL ini terpakai kepada perjalanan udara antara Singapura – Malaysia dan juga jalan darat di sempadan kedua buah negara.

Travellers must install, register, and activate MySejahtera mobile application before departure. RGL is applicable for travel between airports in Malaysia and Singapore which have available non-stop flight routes, as well as via land border crossings between Malaysia and Singapore.

Bagi RGL, syarikat atau agensi kerajaan yang menaja (hos) akan membuat permohonan RGL melalui applikasi atas talian MyTravelPass (MTP) (<https://mtp.imi.gov.my/>) sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum tarikh masuk ke Malaysia. Hos dikehendaki memuatnaik salinan surat jemputan kepada pengembara, salinan pasport, program rasmi pengembara sepanjang di Malaysia, dan bukti tempat tinggal (bukan perumahan awam) ketika di Malaysia.

Sponsoring enterprise / government agency in Malaysia (host) shall apply on behalf of the applicant via MyTravelPass (MTP) (<https://mtp.imi.gov.my/>) at least 10-working day before departure. Host must upload a copy of letter of invitation, traveller's passport copy, traveller's business/ official tentative program and traveller's proof of non-residential accommodation in Malaysia.

Hos juga dikehendaki menyediakan sijil keputusan ujian saringan COVID-19 PCR yang diambil 72 jam sebelum berlepas. Pas MTP akan dihantar kepada pemohon dalam masa 24 jam sebelum pelepasan.

Host is also required to provide traveller's certificate of having tested negative via COVID-19 PCR test (test to be taken at least within 72 hours before departure). MTP will be issued via email 24 hours before departure date.

Pengembara akan menyerahkan pasport, Pas MTP dan keputusan ujian saringan COVID-19 PCR semasa di PMA. Pengembara akan, sekali lagi menjalani ujian saringan COVID-19 PCR/RTK-Antigen di PMA (terpakai di KLIA/KLIA2 dan LTA Pulau Pinang) ATAU dalam masa 24 jam setelah tiba di Malaysia dengan tanggungan sendiri.

Travellers will present passport, MTP Approval and COVID-19 PCR test result during immigration clearance at point of entry. Travellers will be undertaking another COVID-19 PCR/ RTK-Antigen test at point of entry (applicable only for KLIA, KLIA2 and Penang International Airport) OR within 24 hours post-arrival in Malaysia (at any other points of entry), at own cost.

Bagi tujuan kembali ke Singapura, pengembara tidak perlu menjalani ujian saringan COVID-19. Namun, pengembara perlu mematuhi arahan Kesihatan bagi yang ditetapkan oleh Kerajaan Singapura. Bagi warganegara Malaysia yang pulang dari Singapura setelah selesai urusan di sana, mereka akan menjalani kuarantin mandatori selama 14 hari di Stesen kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan tanggungan sendiri.

Travellers are not required to undertake pre-return COVID-19 test before departure to Singapore. Travellers will be subjected to the prevailing health policy for incoming travellers upon return to Singapore. For returning Malaysians from Singapore, they will have to undergo 14 days mandatory quarantine at own cost.

9.3.2 Periodic Commuting Arrangement (PCA)

PCA adalah inisiatif yang membolehkan warganegara dan penduduk tetap dari Malaysia dan Singapura yang memegang Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (LTSVP) bagi tujuan perniagaan atau kerja untuk memasuki semula Malaysia/Singapura untuk bekerja. Pemohon harus bekerja sekurang-kurangnya tiga (3) bulan berturut-turut di Malaysia (atau Singapura) sebelum kembali ke Singapura (atau Malaysia) untuk cuti rumah jangka pendek dan masuk semula ke Malaysia (atau Singapura).

PCA is an initiative to enable Citizens and permanent residents of both Malaysia and Singapore who hold Long Term Social Visit Pass (LTSVP) for business or work purposes to re-enter Malaysia/Singapore for work. Applicants should work at least three (3) consecutive months in Malaysia (or Singapore) before returning to Singapore (or Malaysia) for short term home leave and re-enter Malaysia (or Singapore).

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

For further info, please log on to:

<https://mtp.imi.gov.my/myTravelPass/main>

Pengembara mesti memuat turun, mendaftar, dan mengaktifkan aplikasi mudah alih MySejahtera sebelum pelepasan. Pengembara akan menanggung kos ujian COVID-19. PCA hanya terpakai untuk perjalanan melalui penyeberangan sempadan darat antara Malaysia dan Singapura sahaja.

Travellers must install, register, and activate MySejahtera mobile application before departure. Travellers will bear the cost of COVID-19 test. PCA is applicable for travel via land border crossings between Malaysia and Singapore only.

Majikan (di Malaysia) akan memohon MyTravelPass (MTP) bagi pihak pekerja untuk memasuki / memasuki semula Malaysia. Majikan hendaklah memohon, melalui aplikasi dalam talian MyTravelPass (<https://mtp.imi.gov.my/>) sekurang-kurangnya 10-hari bekerja sebelum tarikh berlepas. Majikan hendaklah memuat naik salinan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (LTSVP) yang sah, Surat janji temu, dan passport. MTP (kelulusan) akan dikeluarkan (melalui e-mel) 24 jam sebelum tarikh berlepas.

The employer (in Malaysia) shall apply for MyTravelPass (MTP) on behalf of the employee to enter/ re-enter Malaysia. The employer shall apply, via MyTravelPass (<https://mtp.imi.gov.my/>) online application at least 10-working day before departure date. The employer shall upload a copy of valid Long-Term Social Visit Pass (LTSVP), Letter of appointment, and passport. MTP (approval) will be issued (via e-mail) 24 hours before departure date.

Bagi rakyat Malaysia di Singapura

Warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang memegang visa jangka panjang untuk tujuan perniagaan atau pekerjaan di Singapura yang ingin memohon PCA dinasihatkan untuk merujuk ke laman web SafeTravel Singapura di <https://safetravel.ica.gov.sg> Pengembara mesti menunjukkan pas PCA dari Penguasa Singapura sebagai bukti semasa pelepasan imigresen di Pintu Masuk Malaysia.

For Malaysians in Singapore

Citizens and permanent residents of Malaysia who hold a long-term visas for business or work purposes in Singapore who wish to apply for PCA are advised to refer to Singapore's SafeTravel website at <https://safetravel.ica.gov.sg> Travellers must apply PCA Pass from Singapore Authority as a proof during immigration clearance at Malaysian Point of Entry.

Pengembara mesti memuat turun, mendaftar, dan mengaktifkan aplikasi mudah alih MySejahtera sebelum berlepas. Pengembara mesti menjalani ujian COVID-19 PCR semasa tiba di Malaysia, dengan kos sendiri. Sementara menunggu hasil ujian PCR COVID-19, pengembara akan dikuarantin di Stesen kuarantin yang ditentukan dan akan dibenarkan keluar setelah hasil (negatif) diperoleh dan dikecualikan dari Perintah Pengawasan Rumah (HSO) 14 hari.

Travellers must install, register, and activate MySejahtera mobile application before departure. Travellers must undertake COVID-19 PCR upon arrival in Malaysia, at own cost. While waiting for the COVID-19 PCR test result, travellers will be quarantined at the designated Quarantine Station and shall be discharged when the result (negative) is obtained and be exempted from the 14-day Home Surveillance Order (HSO).

Kembali ke Negara Tempat Kerja (selepas cuti singkat)

Pengembara akan menjalani pemeriksaan kesihatan di Pintu Masuk dan menjalani *Home Surveillance Order* (HSO-Malaysia) atau *Stay Home Notice* (SHN-Singapura) selama 7 hari. Pengembara akan menjalani ujian COVID-19 RTK-Antibody dan akan dilepaskan dari HSO / SHN pada hari ke-7.

Returning to Country of Work (after short home leave)

Travellers will be subjected to health screening at the Point of Entry and undergo a modified 7-day Home Surveillance Order (HSO) or Stay Home Notice (SHN) in Singapore. Travellers will undertake COVID-19 RTK-Antibody test and will be released for HSO/SHN on day-7.

Peraturan 5: Penepian Fi bagi Ujian Pengesanan COVID-19
COVID-19 test fees exemption



MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

**PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT
BERJANGKIT (FI BAGI UJIAN
PENGESANAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) 2020
[P.U.(A) 190/2020]**

PERATURAN 5

PENEPIAN FI OLEH MENTERI KESIHATAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Peraturan 5 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus (COVID-19)) 2020 [P.U.(A) 190/2020], maka saya Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri Kesihatan, dengan ini memberikan penepian keseluruhan fi kepada—

- (a) pegawai Kerajaan yang memasuki Malaysia dari luar negara atas tugas rasmi di luar negara dan hendaklah mengemukakan surat arahan rasmi berhubung perkara tersebut sebagai bukti;
- (b) orang kurang upaya (OKU) warganegara Malaysia yang memasuki Malaysia dari luar negara dan hendaklah mengemukakan Kad OKU yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- (c) pelajar warganegara Malaysia, persendirian atau mempunyai penajaan, yang memasuki Malaysia dari luar negara kali pertama dan hendaklah mengemukakan apa-apa bukti yang sah berkenaan dengan pengajiannya.

Bertarikh pada 30 Jun 2020

(DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
ARAS 13, BLOK E7, KOMPLEKS E, PRESINT 1
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA
TEL : 03-8883 2527 / 2513 FAKS : 03-8888 6188

Ringkasan Penjelasan Berkenaan Pengecualian Pembayaran Kuarantin

Summary Explanation of Quarantine Payment Exemption

Kategori	Penjelasan
Orang Kelainan Upaya (OKU) <i>People with Disabilities</i>	Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM). <i>OKU cardholders from the Welfare Department of Malaysia.</i> <i>(Pembuktian dan pengesahan dibuat di PMA / Stesen kuarantin)</i> <i>(Proof and verification are made at PMA / Quarantine Station)</i>
Kanak-kanak bawah 6 tahun <i>Children 6 years old and below</i>	Kanak-kanak bawah 6 tahun yang masuk ke Malaysia bersama-sama keluarga atau penjaga yang sah. <i>Children of the age of 6 and below who are entering Malaysia with family members or with guardian.</i> <i>(Pembuktian dan pengesahan dibuat di PMA / Stesen kuarantin)</i> <i>(Proof and verification are made at PMA / Quarantine Station)</i>
Pelajar dari keluarga B40 <i>Students from B40 family</i>	Pelajar Dalam Tanggungan Ibu Bapa/Penjaga: Sekretariat akan membuat semakan latar belakang ibu bapa. Pelajar (pemohon) perlu mengemukakan salinan dokumen pengesahan hubungan kekeluargaan. <i>Students living with family/guardian: The Secretariat will review the background of the parents. Students (applicant) must present relevant documents as proof to the Secretariat.</i> Pelajar yang tinggal/dibesarkan oleh penjaga perlu menyertakan dokumen sokongan sebagai bukti kepada Sekretariat (Surat Akuan Bersumpah, Sijil Pendaftaran Pengangkatan Anak Angkat). <i>Students raised by a guardian are required to present any supporting documents as proof to the Secretariat (i.e. Statutory Declaration, Adoption Certificate).</i> Pelajar Bekeluarga: Semakan B40 akan dibuat ke atas pelajar tersebut. <i>Students with Family: B40 verification will be made on the students.</i> <i>(Permohonan dibuat di Pintu Masuk Antarabangsa dan Pengesahan B40 akan dibuat oleh Pihak Sekretariat. Pengesahan B40 adalah dengan melalui database Bantuan Sara Hidup, BSH)</i> <i>(The appeal is made at Entry Points and B40 verification will be done by the Secretariat via Bantuan Sara Hidup (BSH) database).</i>

Warganegara dari kategori B40
Malaysian from B40 group


Individu atau keluarga (ibu bapa, suami, isteri dan anak-anak di bawah umur 18 tahun dan ke bawah) daripada golongan B40 yang telah disahkan oleh Sekretariat.

Individuals or families of B40 group (parents, spouse, and children below 18 years old), verified by the Secretariat.

(Permohonan dibuat di Pintu Masuk Antarabangsa dan Pengesahan B40

akan dibuat oleh Pihak Sekretariat. Pengesahan B40 adalah dengan melalui database Bantuan Sara Hidup, BSH)

(The appeal is made at Entry Points and B40 verification will be done by the Secretariat via Bantuan Sara Hidup (BSH) database).



Pengembara berseorangan (solo traveller) bawah 12 tahun kebawah bersama penjaga

Penginapan kanak-kanak bawah 12 tahun DAN penjaga kepada kanak-kanak tersebut ditanggung oleh pihak Kerajaan. **[hanya caj RM50/hari dikenakan ke atas penjaga]**

Accommodation charges of children under 12 years old AND guardians of the children are borne by the Government. [only RM50/day charge is imposed on guardian]

Penjaga yang menemani PUS adalah individu di Malaysia yang akan bersama PUS di Stesen kuarantin sepanjang 14 hari kuarantin.

The guardian must be an individual in Malaysia who will be with the PUS at the Quarantine Station during the 14 days of quarantine.

Sekretariat Stesen kuarantin akan membuat pengesahan kanak-kanak bawah 12 tahun adalah pengembara secara berseorangan (solo traveller)

The Quarantine Station Secretariat will verify that the children under 12 are solo travelers.

(Pembuktian dan pengesahan dibuat di Stesen Kuarantin)

(Submission of proof and verification are made at the Quarantine Station)

JADUAL

[Subperaturan 3(1)]

ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGAN UNTUK MEMBAYAR KOS
DAN PERBELANJAAN

1. Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]
2. Warganegara Malaysia daripada golongan *B40
3. Warganegara Malaysia yang merupakan ibu, bapa, suami, isteri, atau anak yang berumur lapan belas tahun dan ke bawah, kepada warganegara Malaysia daripada golongan *B40, yang pulang dari luar negeri bersama-sama dengan warganegara Malaysia daripada golongan *B40 itu
4. Pelajar yang merupakan warganegara Malaysia daripada keluarga golongan *B40
5. Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur enam tahun dan ke bawah
6. Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur dua belas tahun dan ke bawah yang pulang dari luar negeri seorang diri

7. Warganegara Malaysia yang pulang ke Malaysia sebaik selepas dibebaskan dari penjara di negara asing yang tidak mampu membayar kos dan perbelanjaan di stesen kuarantin atau tiada sumber pendapatan

*Golongan B40 adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan

Dibuat 19 Ogos 2020

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/III]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

Pindaan Tempoh Kuarantin Bermula 14 Disember 2020

Amendment to The Quarantine Period, Beginning 14 December 2020

PENGURUSAN KUARANTIN PENGEMBARA DARI LUAR NEGARA DAN KONTAK RAPAT DI MALAYSIA

Merujuk kepada Sidang Media KKM pada 4 Disember 2020, KKM telah mengumumkan untuk mengkaji pemendekan tempoh kuarantin di Malaysia ke atas prosedur pengurusan kuarantin wajib kepada pengembara yang pulang dari luar negara dan kontak rapat kepada kes yang disahkan positif COVID-19. Ini selaras dengan situasi semasa COVID-19 di Malaysia dan laporan klinikal terkini dari seluruh dunia.

Sehingga kini, beberapa buah negara telah menyemak semula tempoh masa kuarantin wajib di negara masing-masing. Negara-negara United Kingdom, Jerman dan Belgium telah menurunkan tempoh kuarantin daripada 14 hari kepada 10 hari. Manakala bagi negara Perancis pula telah mengambil tempoh masa kuarantin wajib selama 7 hari. Semakan bukti saintifik klinikal terkini mendapati bahawa risiko jangkitan pasca-kuarantin akan berkurangan mengikut tempoh masa kuarantin. Kadar kebolehjangkitan adalah tertinggi pada minggu pertama selepas pendedahan.

Justeru itu, berdasarkan pelaksanaan tempoh kuarantin oleh negara-negara lain di dunia dan laporan saintifik klinikal semasa, tempoh masa perintah pengawasan dan pemerhatian bagi pengembara yang pulang dari luar negara serta pengurusan kontak rapat di Malaysia dikurangkan daripada tempoh 14 hari kepada 10 hari. Ia terpakai bagi perintah pengawasan dan pemerhatian yang dilaksanakan di pusat kuarantin yang diwartakan atau di tempat kediaman. Perubahan ini akan berkuat kuasa bermula dari 14 Disember 2020.

Sumber utama: <https://kpkesihatan.com/2020/12/13/kenyataan-akhbar-kpk-13-disember-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>

**SURAT AKU JANJI DAN INDEMNITI
ORANG DI BAWAH PENGAWASAN
(PERSON UNDER SURVEILLANCE)**

Kepada:

Kementerian Kesihatan Malaysia
(mewakili Kerajaan Malaysia)
Kompleks E,
Blok E1, E3, E6, E7 & E10,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Saya,
[Nama *Person Under Surveillance*]

***Nombor K/P:**.....

***Nombor Pasport:**.....

beralamat di:.....

(kemudian daripada ini disebut sebagai "*Person Under Surveillance*") dengan ini sesungguhnya berjanji bahawa saya [dan **anak / orang di bawah jagaan saya (seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A**)] akan mematuhi Perintah Pemerhatian dan Pengawasan Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) dibuat di bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] (kemudian daripada ini disebut sebagai "Perintah Pemerhatian dan Pengawasan") dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa sepanjang tempoh saya menginap di hotel yang ditetapkan oleh Kerajaan (kemudian daripada ini disebut sebagai "Hotel") bagi tempoh bermula pada hingga atau bagi satu tempoh lanjutan yang ditetapkan dan ditentukan oleh Pegawai Diberi Kuasa setelah mengeluarkan satu lagi Perintah Pemerhatian dan Pengawasan (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan").

2. Dalam hal ini, saya sesungguhnya berikrar dan beraku janji akan membayar:

- (a) caj penginapan pada kadar yang ditetapkan oleh Hotel bagi *Person Under Surveillance* yang mana termasuk makan dan minum sebanyak tiga (3) kali sehari;
- (b) apa-apa perbelanjaan lain yang ditanggung oleh saya [dan **anak / orang di bawah jagaan saya] bagi menggunakan perkhidmatan Hotel seperti tempahan makanan tambahan, perkhidmatan dobi dan lain-lain perkhidmatan yang disediakan oleh Hotel atau pihak ketiga; dan

- (c) apa-apa kerosakan kepada bilik penginapan atau harta-harta Hotel yang telah digunapakai atau disebabkan oleh saya [dan **anak dan orang di bawah jagaan saya].
- 3. Saya beraku janji untuk membuat bayaran sepenuhnya bagi perbelanjaan berhubung dengan—
 - (a) perenggan 2(a) di atas, jumlah caj penginapan sepanjang Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan sebagaimana yang diinvoiskan kepada saya, terus kepada Hotel melalui cara yang ditetapkan oleh Hotel semasa pendaftaran masuk ke Hotel;
 - (b) perenggan 2(b) dan (c), melalui cara yang ditetapkan oleh Hotel semasa proses pendaftaran keluar dari Hotel apabila mendapat kebenaran daripada Kerajaan untuk meninggalkan premis Hotel tersebut.
- 4. Sekiranya saya tidak berupaya untuk membuat bayaran yang dinyatakan di dalam perenggan 3, waris atau wakil termasuk penaja saya, seperti mana yang dinamakan dalam perenggan 8 di bawah, telah bersetuju untuk menjadi penjamin saya untuk membuat bayaran tersebut bagi pihak saya apabila diminta oleh Hotel.
- 5. Saya seterusnya mengambil maklum bahawa:
 - (a) pihak Hotel berhak untuk memungut bayaran deposit daripada saya bagi maksud penginapan saya di Hotel dalam Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan semasa pendaftaran masuk ke Hotel; dan
 - (b) saya hendaklah sentiasa mematuhi arahan Kerajaan sepanjang Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan.
- 6. Saya sesungguhnya faham bahawa Hotel berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap saya atau waris atau wakil termasuk penaja di atas kegagalan saya untuk membuat semua bayaran yang terakru sebagaimana yang dinyatakan di perenggan-perenggan di atas dan saya akan bertanggungjawab sepenuhnya bagi apa-apa tuntutan dan ganti rugi yang dibuat oleh Hotel terhadap saya.
- 7. Saya juga akan menanggung rugi Kerajaan, pekerjaanya dan ejennya daripada dan terhadap segala tindakan, prosiding, kehilangan, kerugian, ganti rugi, pampasan, kos (termasuk kos undang-undang), caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas Kerajaan bagi atau akibat kehilangan, atau kecederaan diri yang berpunca daripada tindakan, kecuaiian atau ketidakjujuran saya [dan **anak dan orang di bawah jagaan saya] sepanjang Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan.

8. Sekiranya terdapat keperluan untuk menghubungi waris atau wakil termasuk penaja saya sepanjang Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan, butiran waris atau wakil termasuk penaja saya adalah seperti mana yang dinyatakan di bawah:

Nama waris / wakil termasuk penaja:

.....

*Nombor K/P / Nombor Pasport:

Alamat:

Nombor Telefon bimbit / Nombor Kontak:

Ditandatangani oleh:

Nama:

Nombor K/P / Nombor Pasport:

Alamat :

Nombor Telefon bimbit:

Tarikh:

Disaksikan oleh:

Bagi Pihak Kerajaan Malaysia

***Nama wakil:.....

Nombor K/P :.....

Jawatan :.....

Tarikh :.....

Nota:

* masukkan No. K/P untuk warganegara Malaysia.

** jika anak berumur 18 tahun dan ke atas, dia hendaklah menandatangani Surat Aku Janji yang berasingan. Isteri / suami dan ibu / bapa dikehendaki untuk menandatangani Surat Aku Janji berasingan.

*** masukkan nama, no. K/P. dan jawatan saksi

s.k.:

Pihak Pengurusan

(Nama & Alamat Hotel)****

.....

.....

.....

.....

.....

Nombor Kontak:.....

Alamat E-mel:.....

****Diisi setelah PUS menjalani saringan kesihatan apabila tiba di Pintu Masuk Antarabangsa Malaysia.

SENARAI ANAK / ORANG DI BAWAH JAGAAN *PERSON UNDER SURVEILLANCE*

Saya,

[Nama *Person Under Surveillance*]

*Nombor K/P / Nombor Pasport:

beralamat di

(kemudian daripada ini disebut sebagai "*Person Under Surveillance*") dengan ini sesungguhnya mengesahkan bahawa orang-orang yang dinamakan di bawah merupakan anak / orang di bawah jagaan saya.

NO.	NAMA	NOMBOR K/P / MYKid/ NOMBOR PASPORT

Ditandatangani oleh:

Nama:

Nombor K/P / Nombor Pasport:

Alamat :

Nombor Telefon bimbit:

Tarikh :

**LETTER OF UNDERTAKING AND INDEMNITY
PERSON UNDER SURVEILLANCE**

To:

Ministry of Health
(Representing the Government of Malaysia)
Kompleks E,
Blok E1, E3, E6, E7 & E10,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

I,.....

[Name of Person Under Surveillance]

***NRIC Number :**.....

***Passport Number :**.....

addressed at

(hereinafter referred to as "Person Under Surveillance") verily undertake that I [and **my child / person under my care (as stated in **Annexure A**)] shall comply with the Observation and Surveillance of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Contacts Order made under Section 15(1) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342] (hereinafter referred to as "Observation and Surveillance Order") and other directives issued and enforced by the Government of Malaysia from time to time during my stay in the hotel assigned by the Government of Malaysia (hereinafter referred to as the "Hotel") commencing from to or for an extended period as may be required and determined by the Authorized Officer upon the issuance of another Observation and Surveillance Order (hereinafter referred to as the "Observation and Surveillance Period").

2. In this regard, I solemnly pledge and undertake that I shall pay:

- (a) the accommodation charges at the rate as specified by the Hotel for Person Under Surveillance which shall include three (3) meals daily;
- (b) any other expenses incurred by myself [and **my child / person under my care] for the use of the Hotel's services such as additional meal ordered, laundry services and other services provided by the Hotel or any third party; and
- (c) any damage to the Hotel's accommodation or Hotel's property which has been used or caused by me [and **my child / person under my care].

3. I undertake to make full payment of the expenses regarding–
- (a) paragraph 2(a) above, the total accommodation charges for the whole Observation and Surveillance Order as invoiced to me, directly to the Hotel in the manner as required by the Hotel upon checking in the Hotel; and
 - (b) paragraphs 2(b) and (c), in the manner as required by the Hotel upon checking out of the Hotel once obtaining the authorisation by the Government to leave the Hotel premises.
4. If I am unable to make the payments as stipulated in paragraph 3, my next of kin or representative including sponsor, as named in paragraph 8 below, has agreed to become my guarantor to make such payment on my behalf to the Hotel upon request by the Hotel.
5. I further acknowledge that:
- (a) the Hotel is entitled to collect deposit fees from me for my stay at the Hotel during the Observation and Surveillance Period upon checking in at the Hotel; and
 - (b) I must at all times abide to the Government's instructions throughout the Observation and Surveillance Period.
6. I verily understand that the Hotel has the right to take legal action against me or my next of kin or representative including sponsor for my failure to make all accrued payments as stated in the above paragraphs and I shall be fully responsible for any claims and damages made by the Hotel against me.
7. I further undertake to indemnify and hold the Government of Malaysia, its employees and agents harmless from and against all actions, proceedings, losses, shortfalls, damages, compensation, costs (including legal costs), charges and expenses resulting from my [and **my child / person under my care] actions, negligence or dishonesty to the Hotel during the Observation and Surveillance Period.
8. Should there be a need to contact my next of kin or representative including sponsor during the Observation and Surveillance Period, my next of kin or representative including sponsor details are as follow:

Name of next of kin / representative including sponsor:

.....

*NRIC Number / Passport Number:

Address:

H/Phone / Contact Number:

Signed by:

Name:

NRIC Number / Passport Number:

Address:

H/Phone Number :

Date:

Witnessed by:

**On behalf of the Government
of Malaysia:**

***Name of representative:.....

NRIC Number:

Designation:

Date :

Note:

* insert NRIC number for Malaysian citizen.

** If a child is 18 years of age and above, he/she must sign a separate Letter of Undertaking. Wife / husband and father / mother is required to sign a separate Letter of Undertaking.

*** insert name, NRIC number and witness's position

C.C.:

The Management
(Name and Hotel Address)****

.....
.....
.....
.....

Contact Number:

Email Address :

**** To be filled in after the PUS have undergone health screening upon arrival at Malaysia's International Entry Point.

ANNEXURE A

LIST OF CHILD/PERSON UNDER THE CARE OF PERSON UNDER SURVEILLANCE

I,.....

[Name of Person Under Surveillance]

***NRIC Number/ Passport Number :**.....

addressed at :

(hereinafter referred to as "*Person Under Surveillance*") hereby verify that the person(s) named below is my child / person under my care.

NO.	NAME	NRIC NUMBER / MyKid / PASSPORT NUMBER

Signed by.....

Name:

NRIC Number / Passport Number:

Address:

H/Phone Number :

Date:.....